AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

# 'Pematuhan SOP sedia ada perlu diperluas'

Bersama Hentikan Wabak Covid-19

## Rakyat diminta terus amal norma baharu, tingkat kesedaran kawalan kendiri




**Muhyiddin menyampaikan hadiah kepada Mohd Nor Fakihin Aqsa** *sambil diperhatikan Ismail Sabri dan Hasni (kiri) selepas melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Kompleks Sukan Pagoh, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Oleh Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

**Pagoh:** Masyarakat perlu menganggap diri sendiri sebagai 'petugas barisan hadapan' dan terus mengamalkan norma baharu dalam usaha membantu kerajaan memerangi penularan pandemik COVID-19, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Membuat seruan itu kepada masyarakat, Perdana Menteri berkata, pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang sedia ada perlu diperluaskan lagi dan rakyat jangan alpa.

Katanya, ini bagi mengelakkan daripada wujudnya kluster baharu yang menyebabkan peningkatan kes positif COVID-19 di negara ini.

"Justeru, kesedaran kawalan kendiri yang tinggi sama ada di tempat kerja, tempat awam, tempat ibadat mahupun di rumah, perlu ada dalam diri ahli masyarakat pada setiap masa.

"Sebagai warganegara yang bertanggungjawab dalam memutuskan rantaian COVID-19, saya menyeru anda semua terus mempraktikkan amalan kebiasaan baharu dengan mematuhi garis panduan seperti dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya berucap melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Kompleks Sukan Pagoh, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob merangkap Pengerusi Kempen Pembudayaan Norma Baharu; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Perdana Menteri berkata, beliau pasti masyarakat tidak mahu kerajaan melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh kerana ia akan menyebabkan masalah lain, termasuk mengganggu usaha memulihkan ekonomi.

Katanya, jika keadaan ini terjadi, banyak masalah lain timbul, termasuk mengganggu usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

"Tambahan pula, kerajaan sudah memperuntukkan RM295 bilion untuk memulihkan ekonomi selepas terkesan akibat COVID-19 dengan sebahagian wang itu sudah diagihkan kepada pihak memerlukan.

> ***Sebagai warganegara bertanggungjawab dalam memutuskan rantaian COVID-19, saya menyeru anda semua terus praktikkan amalan kebiasaan baharu dengan patuhi garis panduan KKM.***
>
> ***Muhyiddin Yassin,*** *Perdana Menteri*

"Jika kita kembali semula dan terpaksa mengenakan PKP seperti asal, ekonomi kita pastinya menghadapi kesan amat buruk dan kesannya itu akan dapat sama-sama dirasakan rakyat.

"Tanpa kerjasama saudara saudari sekalian, adalah mustahil untuk kita berjaya menamatkan terus rantaian jangkitan COVID-19 ini," katanya.

Menyentuh aplikasi MySejahtera, Muhyiddin berkata, aplikasi yang ringkas dan padat itu kini menjadi platform untuk memudahkan agensi kerajaan menangani wabak COVID-19, terutama menjejaki kontak rapat pesakit.

Setakat ini, seramai 6.5 juta pengguna memuat turun aplikasi berkenaan.

"Justeru, saya menyeru rakyat Malaysia memuat turun dan memanfaatkan aplikasi ini dengan sebaik mungkin," katanya.

Pada majlis itu, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh melancarkan logo dan slogan Kempen Pembudayaan Norma Baharu, iaitu Bersama Hentikan Wabak COVID-19.

Logo dan slogan itu ciptaan Mohd Nor Fakihin Aqsa Mohd Nor Azam, juara Pertandingan Mencipta Logo dan Tagline Kempen Pembudayaan Norma Baharu, anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bermula 1 hingga 10 Julai lalu.

Perdana Menteri turut melancarkan buku *Pembudayaan Norma Baharu Komuniti* yang mengandungi pelbagai penerangan dan info grafik sebagai panduan serta rujukan orang ramai mengenai COVID-19.

Buku yang akan diterbitkan dalam pelbagai bahasa oleh KKM itu juga boleh didapati dalam bentuk digital melalui imbasan kod QR dan laman sesawang www.infosihat.gov.my.




***Nor Fitri Openg, 21, (kiri) bersama Jariah Bahram, 34,*** *melihat Buku Pembudayaan Norma Baharu Komuniti yang dilancarkan Perdana Menteri, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Malaysia sedia bantu hasil vaksin COVID-19 dunia

**Pagoh:** Malaysia sedia membantu usaha menghasilkan vaksin COVID-19 pada peringkat antarabangsa melalui pasukan petugas rentas Kementerian Kesihatan yang ditubuhkan April lalu.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata usaha dijalankan bagi meneroka peluang kerjasama strategik dengan negara lain dalam bidang penyelidikan dan pembangunan vaksin serta ubat-ubatan COVID-19.

"Saya difahamkan ada beberapa negara sedang berusaha hasilkan vaksin, namun besar kemungkinan, ia akan mengambil sedikit masa lagi, iaitu pada awal 2021.

"Justeru, Malaysia sedia membantu usaha menghasilkan vaksin COVID-19 pada peringkat antarabangsa melalui pasukan petugas rentas kementerian," katanya pada majlis pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Kompleks Sukan Pagoh, di sini, semalam.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, tidak dapat dinafikan trend peningkatan kes dan pertambahan kluster COVID-19 baru-baru ini berpunca daripada ketidakpatuhan rakyat terhadap prosedur operasi standard (SOP).

"Saya mengambil contoh situasi ketidakpatuhan kepada Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah dalam kalangan sekumpulan kecil individu yang sepatutnya dikuarantin di rumah selama 14 hari selepas pulang dari luar negara.

"Tindakan melanggar perintah ini bukan sahaja membahayakan ahli keluarga dan saudara-mara, malah ia turut mendedahkan masyarakat setempat kepada jangkitan COVID-19," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan membuat keputusan mengenakan kuarantin wajib kepada mana-mana individu yang pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.

"Mereka ditempatkan di stesen kuarantin ditetap kerajaan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

*Penularan COVID-19*



***Dr Adham (kanan) mencuba peralatan senaman,*** *antara kemudahan di klinik kesihatan selepas majlis penyerahan Klinik Kesihatan Jenis 2 (Delima) Batu Berendam, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Tiga negeri positif kluster Sivagangga

## Dua kes di Perak daripada kluster ILI, KKM masih kesan punca di Selangor

**Oleh Suzalina Halid, Noor Atiqah Sulaiman, Amir Mamat, Norzamira Che Noh, Dziyaul Afnan Abdul Rahman, Erika George dan Zuhainy Zulkiffli**
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan hanya tiga negeri, iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, merekodkan individu positif COVID-19 dari kluster Sivagangga.

Selain Kedah yang membabitkan daerah Kubang Pasu, Padang Terap dan Kulim, Sanglang di Perlis, Sungai Bakap di Pulau Pinang turut disahkan sebagai kawasan penularan pandemik berkenaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata bagaimanapun dua kes positif COVID-19 yang dikesan di Perak, kelmarin bukan daripada kluster Sivagangga, sebaliknya kluster penyakit seperti influenza (ILI).

"Bagi kes di Perak, pesakit datang bagi pemeriksaan ILI kerana selesema sebelum disahkan positif COVID-19, manakala di Selangor pula kita masih mengesan sama ada ia berpunca daripada kluster Sivagangga atau sebaliknya," katanya selepas menghadiri majlis penyerahan Klinik Kesihatan Jenis Dua (Delima) Batu Berendam, di sini, semalam.

Sehingga tengah hari semalam, jumlah kes positif dikesan dalam Kluster Sivagangga kekal 43 orang.

Seramai 4,198 sudah disaring membabitkan kluster itu di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Dr Adham berkata, pengunjung dan individu yang berurusan di premis berkenaan juga perlu segera melakukan saringan bagi mengelak wabak itu semakin menular.

"Orang ramai yang singgah membeli makanan bungkus di kedai itu kena lakukan saringan. Kita berusaha mengatasi dan mengawal sepenuhnya wabak di kawasan yang disahkan mempunyai kluster berkenaan," katanya.

Sementara itu, KKM memaklumkan hanya tujuh kes positif COVID-19 dilaporkan semalam, membabitkan enam kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dan satu kes penularan tempatan membabitkan warganegara Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, dalam kenyataan berkata, enam kes import itu termasuk tiga warga asing, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes positif di negara ini sebanyak 9,070 kes.

Katanya, kes import berkenaan mendapat jangkitan dari China, Yaman, Myanmar, Jepun, Pakistan dan Mexico.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 170 kes. Sehingga kini terdapat dua kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan satu kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 47 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 8,775 kes bersamaan 96.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, tiada pertambahan kes kematian disebabkan COVID-19 dan jumlahnya kekal 125 kes atau 1.38 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, tiada kes baharu membabitkan kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga dilaporkan semalam dengan jumlah positif COVID-19 daripada kluster itu setakat ini ialah 43 orang.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 4,198 orang disaring dalam kluster berkenaan membabitkan saringan dari Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

"Daripada jumlah itu, seramai 43 kes dikesan positif COVID-19; 3,235 negatif; dan 920 masih menunggu keputusan.

"Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif diteruskan dan langkah pencegahan seperti proses nyahkuman dan nyahcemar dijalankan di kawasan dikenal pasti berkait rapat dengan kluster ini.

"Situasi terkini kluster ini dimaklumkan dari semasa ke semasa kepada orang ramai," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA

4,198 individu telah disaring dengan 43 kes positif direkodkan sehingga semalam

# 3 negeri terkesan Kluster Sivagangga

**MELAKA** – Kementerian Kesihatan mengesahkan Kluster Sivagangga telah menular ke tiga negeri iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, dua kes positif Covid-19 yang dikesan di Perak pada Khamis lalu bukan daripada Kluster Sivagangga tetapi merupakan kes Penyakit Seperti Influenza (ILI).

Katanya, satu kes pula yang dilaporkan di Selangor semalam masih dalam siasatan.

"Sehingga semalam, kita dapati Kluster Sivagangga telah menular di tiga kawasan di Kedah iaitu di Kubang Pasu, Padang Terap dan Kulim sebelum menular di Kuala Sanglang, Perlis.

"Terbaharu kawasan Sungai Bakap di Pulau Pinang turut disahkan sebagai kawasan penularan wabak berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Penyerahan Klinik Kesihatan Jenis Dua (Delima) Batu Berendam di sini semalam.

Beliau berkata, bagi kes di Perak, pesakit datang bagi pemeriksaan ILI kerana selesema sebelum disahkan positif Covid-19.

"Sementara di Selangor pula kita masih lagi meneruskan usaha mengesan sama ada berpunca daripada kluster Sivagangga atau sebaliknya," katanya.

Sementara itu, di **Putrajaya**, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, setakat semalam seramai 4,198 orang telah disaring dalam kluster itu merangkumi saringan dari negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

"Daripada jumlah itu, 43 kes dikesan positif Covid-19, manakala 3,235 negatif dan 920 lagi masih menunggu keputusan. Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif masih diteruskan," katanya.

Katanya, tujuh kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 9,070 kes.




**ADHAM (tiga dari kiri) menyaksikan penyerahan replika kunci Klinik Kesihatan Jenis 2 (Delima) daripada Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Bangunan), Ir. Radzwan Kasim (kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chen Chaw Min di Batu Berendam, Melaka semalam.**

# Penduduk Seksyen 23 bimbang penularan Covid-19

**SHAH ALAM** – Sebahagian penduduk yang tinggal di sekitar Surau Al-Jannah, Seksyen 23 di sini meluahkan rasa bimbang susulan dakwaan salah seorang jemaah surau itu mempunyai kontak rapat dengan pesakit Covid-19 berkaitan Kluster Sivagangga di Napoh, Jitra, Kedah.

Seorang penduduk yang dikenali Hasnadi, 40, berkata, dia dan penduduk lain begitu terkejut apabila laporan berkenaan kontak rapat itu tersiar di akhbar dan media sosial sejak semalam.

Katanya, kali terakhir dia ke surau tersebut dua minggu lalu bagi menunaikan solat Jumaat.

"Siapa yang tidak risau dengan virus Covid-19 apatah lagi kluster itu cepat merebak. Sudah pasti, saya mengambil langkah berjaga-jaga terutama memastikan anak-anak mengurangkan aktiviti di luar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Halimah, 50, berkata, tiada arahan lagi dikeluarkan kepada penduduk di situ untuk melakukan saringan kesihatan.

"Apa yang saya dan penduduk lain harapkan jemaah yang dikatakan mempunyai kontak rapat itu adalah negatif Covid-19.

"Kalau sebaliknya, besar kemungkinan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO) dilaksanakan di kawasan ini," katanya.

Hasil tinjauan *Kosmo! Ahad* di surau berkenaan mendapati rata-rata penduduk sekitarnya mengikuti arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Seorang penduduk yang ingin dikenali sebagai Halim berkata, aktiviti masyarakat masih diteruskan seperti biasa.

"Setakat ini hanya surau berkenaan yang diarahkan ditutup. Premis lain seperti kedai makan dan sebagainya yang berada di sekitar surau ini masih meneruskan operasi seperti biasa.

"Kami berharap jemaah yang terlibat itu serta ahli keluarganya tidak diuji positif saringan tersebut," ujar yang tinggal berdekatan surau berkenaan.

*Kosmo!* semalam melaporkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengeluarkan arahan penutupan Surau Al-Jannah sertamerta apabila seorang jemaah dikesan mempunyai kontak rapat individu positif Covid-19 berkaitan Kluster Sivagangga.

Arahan itu turut dilaksanakan terhadap Sekolah Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Integrasi Al-Jannah yang terdapat di dalam kawasan surau berkenaan.

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| Jumlah | |
|---|---|
| Kes baharu (Import: 6 Tempatan: 1) | 7 |
| Pulih | 47 |
| Kematian | 0 |
| Masih dirawat | 170 |
| Jumlah kes sembuh | 8,775 |
| Jumlah Kematian | 125 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **9,070** |

# 180 individu ditahan hari ke-60 PKPP

**KUALA LUMPUR** – Seramai 180 individu ditahan polis kerana melanggar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) termasuk penjarakan fizikal kelmarin.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu 16 ditahan reman, manakala 164 individu lagi dikenakan kompaun.

Menurutnya, tindakan itu hasil daripada 57,066 pemeriksaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PKPP yang dilakukan Pasukan Khas Operasi Pematuhan.

"Sebanyak 2,301 pasukan pematuhan melibatkan 11,705 anggota membuat pemantauan di 3,489 pasar raya, 5,394 restoran serta 1,458 penjaja, 930 kilang, 3,550 bank dan 790 pejabat kerajaan.

"Turut dipantau semalam (kelmarin) 1,375 terminal pengangkutan darat, 278 terminal pengangkutan air dan 123 terminal pengangkutan udara," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, seramai 7,364 individu telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa sehingga kelmarin.

Kata beliau, seramai 20 daripada mereka yang disahkan positif Covid-19 dirawat di hospital, manakala selebihnya ditempatkan di hotel atau Institut Latihan Awam (ILA).

Selain itu, katanya, polis menahan tiga warga asing hasil daripada 61 Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng yang diadakan di seluruh negara.

"Dalam operasi itu polis telah memeriksa 31,184 kenderaan bagi mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin terutamanya di lorong-lorong tikus.

"Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba memasuki sempadan negara secara haram dan agensi-agensi penguat kuasa akan terus mengetatkan kawalan kawasan sempadan," katanya.

Tambahnya, sebanyak lima premis perniagaan diberi amaran oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana tidak patuh SOP PKPP.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NEGARA**

# Tempoh PKPP, keputusan seminggu sebelum 31 Ogos



ISMAIL SABRI

**MUAR** – Keputusan sama ada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilanjutkan atau sebaliknya akan bergantung kepada angka kes semasa jangkitan Covid-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara itu akan diputuskan dalam tempoh seminggu sebelum PKPP tamat pada 31 Ogos nanti.

Menurut beliau, keputusan itu juga akan diperhalusi secara bersama dengan Kementerian Kesihatan bagi mendapat nasihat dan pandangan pihak berkenaan.

"Kalau kita kira sekarang ini, PKPP sampai 31 Ogos, tetapi melihat kepada keadaan penularan yang terkini, maka sebelum 31 Ogos kita akan tengok semula.

"Katakan sebelum ini *zero* (kosong) sebagaimana saya maklumkan tiga hari berturut-turut, kalau angka itu berterusan sehingga 31 Ogos mungkin Menteri Kesihatan kata dah tak perlu lagi dah buat PKPP," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Kompleks Sukan Pagoh di sini semalam.

Ismail berkata, beliau sehingga kini tidak boleh memberi jawapan sama ada PKPP disambung semula atau sebaliknya.

Ini kerana jelasnya, kes jangkitan berkaitan Covid-19 berubah-ubah pada setiap hari.

"Kita dah satu digit, tiba-tiba jadi dua digit dan baru-baru ini maksimum sampai 39 tak silap saya.

"Jadi, kita tak boleh tentukan bila nak ditarik balik PKPP ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap kempen pembudayaan itu berupaya memperkasakan kawalan kendiri masyarakat tanpa memaksa kerajaan menggunakan undang-undang setiap masa.

Katanya lagi, kerajaan tidak boleh selama-lamanya menggunakan tindakan undang-undang terhadap pihak melanggar prosedur operasi standard (SOP).

"Macam saya kata tadi, tidak akan selamanya kita nak saman orang setiap hari. Jadi, kesedaran dirilah yang akan membebaskan mereka daripada tindakan undang-undang.

"Malah setakat hari ini pun lebih kurang 32 kertas siasatan telah dihantar oleh pihak polis kepada peguam negara untuk tindakan selanjutnya," katanya.

# Ketidakpatuhan SOP punca kes positif Covid meningkat

**MUAR** – Trend peningkatan kes dan pertambahan kluster baru-baru ini berpunca daripada ketidakpatuhan rakyat terhadap prosedur operasi standard (SOP).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu dapat dilihat apabila terdapat sekumpulan kecil individu yang sepatutnya dikuarantin di rumah selama 14 hari selepas pulang dari luar negara gagal berbuat demikian.

Beliau menjelaskan, tindakan itu bukan sahaja membahayakan ahli keluarga, saudara-mara malah turut mendedahkan masyarakat setempat kepada jangkitan Covid-19.

"Oleh itu, kerajaan telah membuat keputusan untuk mengenakan kuarantin wajib kepada mana-mana individu yang pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.

"Malah pihak berkuasa juga bersedia untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan atau PKPD di lokaliti setempat sekiranya terdapat peningkatan kes baharu secara mendadak di kawasan tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Kompleks Sukan Pagoh di sini semalam.

Turut hadir Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah.

Muhyiddin berkata, Malaysia sedia membantu dalam usaha menghasilkan vaksin Covid-19 di peringkat antarabangsa melalui pasukan petugas rentas kementerian yang ditubuhkan pada April lepas.

"Usaha ini bagi meneroka peluang untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan negara-negara lain dalam penyelidikan dan pembangunan vaksin dan ubat-ubatan Covid-19.

"Besar kemungkinan, ia akan mengambil sedikit masa lagi iaitu pada awal 2021," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin menambah, Kempen Pembudayaan Norma Baharu adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kawalan kendiri dalam kalangan masyarakat.

Ujarnya, rakyat perlu terus bekerjasama dengan kerajaan khususnya para petugas kesihatan dan penguat kuasa undang-undang dalam memastikan norma baharu diamalkan bagi memutuskan rantaian wabak ini.

"Usaha membudayakan norma baharu dalam kalangan rakyat adalah tugas dan tanggungjawab setiap daripada kita," katanya.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri melancarkan logo dan slogan Kempen Pembudayaan Norma Baharu iaitu 'Bersama Hentikan Wabak Covid-19'.

Beliau turut melancarkan Buku Pembudayaan Norma Baharu Komuniti yang mengandungi pelbagai penerangan dan infografik sebagai panduan serta rujukan orang ramai.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 15**
**RUANGAN : NEGARA**

# Bekalan darah A, B diperlukan

**KUALA LUMPUR** – Pusat Darah Negara (PDN) meminta orang ramai khususnya yang mempunyai darah kumpulan A dan B agar tampil menderma darah bagi meningkatkan stok darah kumpulan itu.

PDN dalam kenyataan berkata, bekalan darah ketika ini semakin diperlukan.

"Jalankan tanggungjawab sosial anda bagi membantu menyelamatkan nyawa pesakit memerlukan," katanya.

Mereka yang berminat boleh memeriksa lokasi pendermaan darah anjuran PDN melalui *http://pdn.gov.my/index.php?option=com_jevents&v.*

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 30-31
RUANGAN : PANORAMA WAWANCARA

# 'Orang ramai mula leka, ambil mudah'

SEKITAR penghujung tahun lalu, masyarakat dunia digemparkan dengan penularan pandemik Covid-19. Wabak berbahaya berasal dari Wuhan, China itu bagaimanapun merebak dengan pantas ke seluruh dunia beberapa bulan kemudian.

Setakat semalam, wabak tersebut telah menular di 213 buah negara dengan merekodkan lebih 19 juta kes positif dan lebih 700,000 kematian. Malaysia juga tidak terkecuali daripada diserang wabak tersebut dengan jumlah kes keseluruhan yang direkodkan semalam sebanyak 9,070 kes positif.

Biarpun begitu, kerja keras yang dilakukan oleh pihak kerajaan sejak Mac lalu berjaya membendung wabak tersebut daripada terus menjangkiti rakyat dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sehingga ke satu tahap, negara pernah mencatatkan sifar kes penularan tempatan selama beberapa hari.

Bagaimanapun baru-baru ini, kes melibatkan jangkitan tempatan di dalam negara kembali meningkat dengan kewujudan beberapa kluster baharu. Keadaan tersebut lantas membimbangkan orang ramai.

Bagi mengulas lanjut mengenai isu tersebut, wartawan *Kosmo! Ahad* **KHAIRIYAH HANAFI** menemu bual Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah di Putrajaya baru-baru ini.

***KOSMO! Ahad*: Bagaimana Datuk melihat tahap pematuhan masyarakat di negara ini terhadap pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan sejak Mac lalu?**

**NOOR HISHAM:** Kita lihat pada PKP fasa pertama hingga keempat, tahap kepatuhan masyarakat adalah sangat tinggi. Contohnya, sewaktu Mac, semasa kes di negara ini menunjukkan peningkatan berbanding negara-negara luar, kerajaan telah melaksanakan PKP dan terbukti berkesan dalam mematahkan lengkok graf daripada terus meningkat.

Kesedaran dan tahap kepatuhan masyarakat juga tinggi sehingga kes-kes harian semakin berkurangan. Kita juga berjaya memperoleh angka satu digit dan sifar dalam tempoh beberapa hari berturut-turut.

Bagaimanapun sebaik sahaja negara beralih kepada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sejak 10 Jun lalu, saya lihat orang ramai mula leka dan ambil mudah dengan mengabaikan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh penurunan angka kes kepada satu digit dan sifar, selain mereka sudah berasa selesa.

Biarpun begitu, tahap kesedaran yang semakin rendah ini menyebabkan kes harian kini mula bertukar kepada dua angka dan hal ini sangat membimbangkan kami.

Justeru, saya ingin mengingatkan rakyat Malaysia supaya patuh kepada SOP yang ditetapkan kerana kita akan laksanakan semula PKP jika virus merebak semula dalam kalangan komuniti.



DR. Noor Hisham mengingatkan, jika tiada tanggungjawab bersama oleh masyarakat, negara pasti akan kalah dalam pertarungan menentang Covid-19.

> "Kita akan laksanakan semula KPK jika virus merebak semula dalam kalangan komuniti."

**Melihatkan angka kes harian yang kini semakin meningkat dan terdapat ura-ura berlakunya gelombang ketiga, adakah kerajaan akan melaksanakan semula PKP atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)?**

Sudah tentu. Jika tiada pematuhan dan ada jangkitan yang tidak terkawal berlaku pada masa akan datang, kerajaan tidak teragak-agak untuk melaksanakan kembali PKP atau PKPD seperti sebelum ini.

Apa-apapun kami mengamalkan prinsip *prepare for the worst and hoping for the best* (bersedia untuk situasi terburuk dan berharap kepada yang terbaik). Kerajaan sentiasa bersiap sedia dengan kebarangkalian berlaku gelombang ketiga. Kita sudah melihat kes ini sejak Disember 2019 dan sentiasa belajar daripada negara-negara luar bagaimana mereka menguruskan kes.

Setakat ini, kita belajar dan ambil semua pendekatan kesihatan awam daripada pengalaman lalu

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 30-31**
**RUANGAN : PANORAMA WAWANCARA**

iaitu ketika Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat MERS-CoV melanda negara. Kita guna pengalaman lepas dalam pengawalan penyakit berjangkit.

Apapun, segala tindakan yang diambil juga adalah berpandukan garis panduan dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dengan melihat kepada segala masalah dan cabaran yang mendatang. Kadangkala, kita berjaya melaksanakan lebih daripada tanda aras yang ditetapkan WHO.

Bagaimanapun, ingin ditekankan di sini, untuk memerangi Covid-19 bukan hanya tanggungjawab kerajaan atau Kementerian Kesihatan Malaysia, tetapi juga melibatkan semua pihak.

Kami menyeru orang ramai supaya terus mengambil langkah-langkah pencegahan yang telah ditetapkan supaya rantaian Covid-19 dapat diputuskan.

**Beberapa pihak mendakwa, pelaksanaan kuarantin di rumah menjadi punca peningkatan kes yang berlaku pada hari ini. Apakah pandangan Datuk mengenai isu tersebut?**

Pelaksanaan kuarantin di rumah atau pusat kuarantin adalah diiktiraf oleh WHO buat individu yang baru pulang dari luar negara. Bagaimanapun, saya melihat isunya bukanlah kuarantin di rumah atau di pusat kuarantin. Sebaliknya, ketidakpatuhan individu itu sendiri terhadap SOP ditetapkan.

Jika kita lihat kes yang berlaku di Australia, gelombang kedua yang berlaku bukanlah di rumah. Sebaliknya di pusat kuarantin apabila mereka tidak patuh kepada SOP yang ditetapkan pihak berkuasa.

**Sekarang pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan. Adakah pemakaian pelitup muka di tempat awam yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan mampu mengurangkan jangkitan dalam kalangan masyarakat di negara ini?**

Di peringkat awal, kita masih tidak kenal virus tersebut dan tiada bukti pemakaian pelitup muka mampu mengelak wabak Covid-19.

Jadi, WHO menegaskan pemakaian pelitup muka cuma untuk individu bergejala atau ketika berada di tempat awam. Pada bulan Februari dan Mac, WHO membuat garis panduan baharu iaitu pemakaian pelitup muka tidak diwajibkan, namun digalakkan.

Bagaimanapun di negara ini, kita mula mewajibkan pemakaian pelitup muka bermula 1 Ogos lalu bagi membendung penularan wabak.

Bukan sahaja pelitup muka, kita juga perlu patuh kepada dua perkara penting lain iaitu penjarakan selamat sejauh satu meter antara individu dan elakkan berada di tempat yang sempit.

Mereka yang mengingkari arahan itu bakal berdepan hukuman denda RM1,000 mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

**Melihatkan pelbagai pelitup muka dijual di pasaran dan segelintir individu lebih selesa mengenakan pelitup muka daripada fabrik. Adakah penggunaan pelitup muka jenis fabrik juga berkesan dan mampu mengawal jangkitan di tempat awam?**

Menerusi garis panduan yang telah ditetapkan oleh WHO, pemakaian pelitup muka diwajibkan tanpa mengira sama ada pelitup muka perubatan ataupun bukan perubatan yang diperbuat daripada fabrik.

Biarpun begitu, bagi individu yang ingin menggunakan pelitup muka jenis fabrik, ia harus mempunyai tiga lapisan seperti yang ditetapkan oleh WHO.

Ia mempunyai lapisan dalam yang bersifat menyerap air (hidrofilik), lapisan tengah yang bersifat menghindar penyerapan air (hidrofobik) dan lapisan luar yang bersifat menghindar air (juga hidrofobik).

**Umum mengetahui sejak awal tahun lalu, pakar-pakar perubatan dunia termasuk Malaysia sibuk membangunkan vaksin mencegah Covid-19. Setakat ini, sejauh mana tahap perkembangan kajian untuk membangunkan vaksin itu di Malaysia dan negara luar?**

Banyak vaksin yang dijalankan kini masih dalam penyelidikan kajian fasa ketiga. Bagaimanapun, Malaysia tidak terpilih lagi untuk jalankan kajian fasa ketiga.

Kita perlu lihat kemampuan negara untuk bangunkan vaksin. Walaupun ada perancangan tetapi setakat ini, kita masih tidak mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya.

Bukan dari segi kewangan sahaja, tetapi juga dari segi kepakaran dalam bidang tersebut. Bukan mudah untuk melaksanakannya memandangkan kita perlu melatih pakar-pakar sedia ada dalam penghasilan vaksin.

Biarpun negara-negara luar kini dalam usaha membangunkan vaksin, namun kebimbangan tetap ada yang mana kita khuatir tahap keberkesanannya terhadap manusia, selain kebarangkalian vaksin tersebut mempunyai kesan sampingan terhadap pesakit.

Kesemua faktor ini perlu dilihat memandangkan vaksin dan virus mempunyai banyak *strain*.

Kita bimbang vaksin yang dihasilkan itu hanya boleh digunakan untuk sesetengah jenis *strain* dan tidak boleh dipakai *strain* lain.

